

# Kolam sampah rimaskan penduduk

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**  
ammar@kosmo.com.my

SEREMBAN – Tidak ada sesiapa yang mahu tinggal berhampiran kolam terbiar, apatah lagi dalam keadaan ancaman denggi sekarang.

Bagi penduduk sekitar Jalan Kurau 3, Taman Permai di sini, mereka terpaksa memendam rasa melihat kawasan belakang rumah bertukar menjadi kolam sejak lebih setahun lalu.

Ada penduduk mendakwa kolam itu terbentuk akibat ketiadaan sistem perparitan yang sempurna untuk mengalirkan air dari kawasan taman.

Tinjauan *KOSMO!* mendapati keadaan tersebut diburukkan lagi dengan sikap sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah sarap ke dalam kolam itu.

Seorang penduduk, Balbir Singh memberitahu, kolam yang dianggarkan sedalam 1.5 meter itu pada asalnya merupakan kawasan lapang hanya yang dilitupi pokok dan semak samun.

“Bagaimanapun sejak wujudnya sebuah projek perumahan berhampiran, saluran air yang mengalirkan air di kawasan ini kini sudah tidak lagi berfungsi mengakibatkan air mula bertakung.

“Keadaan ini nyata merimaskan penduduk ekoran kolam tersebut kini menjadi tempat pembiakan nyamuk dan menjadi tempat pembuangan sampah,” katanya yang sudah menetap di situ sejak 17 tahun lalu.

Tambahnya, dia dan beberapa penduduk lain telah beberapa kali berjumpa dengan Jabatan Parit dan Saliran negeri (JPS) mengadukan masalah tersebut pada September lalu.

“Memang selepas itu ada pegawai JPS yang datang dan menyiasat tetapi kami kecewa kerana tiada langkah susulan diambil,” katanya.

Syed Zainal Abidin Syed Hussin pula berharap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah ini yang nyata menimbulkan banyak masalah.

“Selain menimbulkan bau busuk, kolam itu juga turut menarik perhatian biawak dan ular.

“Kami risau kalau ada haiwan ini yang memasuki rumah kami kerana ia cuma lima meter dari pagar rumah,” katanya.

Jelasnya, di samping itu keadaan itu juga boleh menimbulkan bahaya sekiranya ada kanak-kanak yang menjadikan kawasan kolam tersebut sebagai gelanggang permainan mereka.



**PENDUDUK** Taman Permai, Seremban meminta pihak berkuasa membersihkan kawasan takungan air ini yang dicemari sampah dan boleh merebakkan wabak denggi.